

Spesies asli ikan tempatan di Lembah Klang bakal pupus

BH 27/05/24 MS 16

Lebih 80 peratus hidupan asing menguasai, diami secara kekal lima sungai utama

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hidupan asli dalam sungai sekitar Lembah Klang dijangka pupus tidak lama lagi apabila lebih 80 peratus sairan itu sudah dijajah dan diiami ikan asing secara kekal.

Difahamkan, antara spesies ikan asing yang menceroboh kira-kira lima sungai utama di Lembah Klang seperti Sungai Kuyoh, Sungai Klang dan Sungai Keroh adalah talapia hitam, ikan pandaraya, keli afrika, lampam awa serta ikan jaguar.

Situasi ini menyebabkan habitat ikan asli di sungai berkecauan hampir pupus dan sukar likesan kerana diambil alih oleh ikan asing daripada jenis penangsa.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain, berkata paling kritikal dilaporkan di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil kerana 99 peratus habitatnya kini adalah daripada ikan asing.

Katanya, dalam operasi yang dijalankan tidak sampai dua jam tu menyaksikan 600 ikan asing

berjaya ditangkap oleh lebih 200 komuniti dan pihak agensi yang turut serta dalam operasi memburu ikan asing itu.

“Tidak ada pun ikan asli yang dapat ditangkap, jika ada pun mungkin seekor, dua. Apa yang dilihat ini tidak baik kepada ekosistem dan menjadi tanggungjawab kita membantu mengurangkan kehadiran ikan asing.

“Melepaskan ikan asing dalam ekosistem sama ada secara sengaja atau tidak, tidak akan membantu meningkatkan biodiversiti ikan asli kita. Jadi usaha untuk buru ikan asing ini bertujuan untuk mengimbangi ekosistem kita bagi membolehkan perairan kita dapat menempatkan kembali ikan asli,” katanya ditemui pada program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, di sini semalam.

Tiada ikan tempatan

Operasi itu turut mendapat kerjasama Aquaria KLCC dan peserta terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, kelab komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, penduduk setempat serta institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Mengulas lanjut mengenai tangkapan di Sungai Kuyoh itu, Adnan berkata nisbah yang diterima itu tidak seimbang kerana tiada satu pun ikan asli yang berjaya ditangkap.

“Tetapi di ekosistem lain masih berada dalam keadaan baik dan terkawal. Kita kini banyak memberi tumpuan kepada kawa-

san yang perlu pemuliharaan secara bersama,” katanya.

Selain sungai di Lembah Klang, pihaknya turut menerima laporan kehadiran ikan asing di Sungai Perak dan Sungai Pahang yang mempunyai spesies seperti ikan baung ekor merah.

“Namun, ia tidak sampai kritikal seperti di Sungai Kuyoh dan keadaannya masih terkawal. Disebabkan itu pihak jabatan sebelum ini menambah baik peraturan untuk memasukkan beberapa spesies ikan asing sebagai haiwan larangan dibawa masuk ke pintu masuk negara,” katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan terhadap individu melepaskan ikan asing disebabkan ritual keagamaan serta membayar nazar, Adnan berkata, pihaknya lebih banyak menumpukan kepada kempen kesedaran.

“Pendekatan yang kita ambil kini tidak bersifat penguatkuasaan kerana kita tahu individu (yang melakukan ritual keagamaan atau membayar nazar) mungkin berniat baik tetapi tidak memahami ada spesies tertentu tidak sepatutnya dilepaskan di perairan.

“Pertamanya, kita sudah bertemu dengan komuniti itu untuk memberi nasihat dan apa tindakan sewajarnya yang perlu mereka ambil. Keduanya bagi kawasan sensitif dan kritikal, kita akan naikkan poster atau papan tanda untuk menyatakan bahawa aktiviti itu tidak sepatutnya dilakukan,” katanya.



Adnan (kanan) bersama Pengarah Eksekutif Aquawalk Sdn Bhd, Daryl Foong menunjukkan ikan yang ditangkap pada program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)



Antara peserta yang mengikuti program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, semalam.